



**MAJLIS DAERAH PASIR MAS
KOMPLEKS APAM PUTRA, BANDAR BARU PASIR MAS
LUBOK JONG, 17070 PASIR MAS
KELANTAN DARUL NAIM**

**GARIS PANDUAN
KELULUSAN PELAN LANSKAP
DAN PELAKSANAAN
MAJLIS DAERAH
PASIR MAS**

DISEDIAKAN OLEH :

**UNIT PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN
&
UNIT PELESENAN, KESIHATAN DAN PERSEKITARAN
MAJLIS DAERAH PASIR MAS**

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini disediakan bertujuan sebagai rujukan kepada semua pihak yang terlibat bagi memudahkan permohonan kelulusan pelan lanskap. Garis panduan ini menjadi rujukan utama semasa proses permohonan dan kelulusan pelan lanskap.

Dengan adanya garis panduan ini ianya akan memudahkan unit-unit yang terlibat untuk memproses pelan-pelan lanskap mengikut prosedur yang telah disediakan bagi memastikan pelan-pelan serta projek-projek lanskap telah mematuhi sepenuhnya semua syarat dan peraturan yang telah ditetapkan bagi menjamin keberkesannya selepas pelaksanaan.

2.0 PERANAN UNIT-UNIT YANG TERLIBAT

Unit Pusat Setempat (OSC) memainkan peranan menerima permohonan kelulusan pelan lanskap daripada pemohon. Juga memastikan pelan-pelan dan dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan oleh pemohon untuk pertimbangan Majlis.

Unit Perancangan dan Pembangunan memainkan peranan untuk menyemak dan menentukan pelan susunatur/ pelan induk lanskap mematuhi garis panduan dan rekabentuk yang telah ditetapkan.

Unit Pelesenan, Kebersihan dan Persekitaran memainkan peranan untuk memastikan pelan dan jadual penanaman terperinci lanskap lembut (pokok) serta

lanskap kejur (perabot/hardscape) disediakan berdasarkan garis panduan.

3.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

3.1 Pelan Lanskap Dan Dokumen Sokongan

a) Permohonan Pelan Lanskap diwajibkan bagi pembangunan yang melebihi 5 ekar yang melibatkan pendirian bangunan (selepas mendapat Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan dan Kelulusan Pelan Bangunan).

b) Permohonan secara rasmi hendaklah dikemukakan kepada :

Unit Pusat Setempat (OSC)
Majlis Daerah Pasir Mas
Komplek Apam Putra, Bandar Baru Pasir Mas
Lubok Jong, 17070 Pasir Mas
Kelantan Darul Naim.

c) Setiap permohonan hendaklah disertakan empat (4) salinan pelan lanskap berwarna yang telah disahkan oleh Arkitek atau Arkitek Lanskap yang berdaftar dengan ILAM berserta nama dan tandatangan pemilik di setiap pelan permohonan.

Nota :
Semua pelan hendaklah direkabentuk dan dilukis serta ditanda tangani oleh Arkitek atau Arkitek Lanskap yang bertauliah.

- d) Salinan penerimaan surat permohonan kebenaran merancang atau surat kelulusan kebenaran merancang C(1). Jika belum kemukakan permohonan tersebut, sila kemukakan serentak dengan pelan lanskap.
- e) Satu salinan borang maklumat pemohon perlu diisi dengan lengkap.
 - i. Surat Permohonan Pelan Lanskap
 - ii. Borang Permohonan dan Senarai Semak Permohonan Kelulusan Pelan Lanskap (Borang A17)
 - iii. Lampiran 1 – Borang Bayaran

3.2 Kandungan Pelan Lanskap

Perkara-perkara berikut hendaklah terkandung di dalam pelan tersebut :

- a) Pelan Lokasi
 - i. Ditunjukkan dengan jelas di hujung sebelah kiri sudut atas pelan lanskap dan boleh dibaca.
 - ii. Skala yang digunakan bersesuaian dengan saiz lokasi.
 - iii. Lot yang dimajukan ditunjukkan dengan membuat sempadan garisan tebal yang terang dan diwarnakan merah.
 - iv. Nombor lot perlu ditunjukkan dengan jelas.

- b) Pelan Kunci

- i. Boleh dibaca dengan jelas.
- ii. Diletakkan bersebelahan dengan pelan lokasi mengikut skala yang sesuai.

- c) Blok Petunjuk (Tittle Block)

Blok petunjuk hendaklah diletakkan di sudut sebelah kanan dan ruang bagi perkara-perkara berikut :

- i. Bahagian A - disediakan ruang dengan menunjukkan arah mata angin.
- ii. Bahagian B – menyatakan dengan jelas dan boleh dibaca tajuk projek.
- iii. Bahagian C – nama dan alamat perlu jelas dan ditandatangani oleh pemilik.
- iv. Bahagian D – nama arkitek atau arkitek lanskap dan nombor pendaftaran hendaklah jelas dan mudah dibaca serta diiktiraf oleh Institut Lanskap Malaysia (ILAM).
- v. Bahagian E – ruang kosong untuk kegunaan Majlis (Cop Kelulusan).
- vi. Bahagian F – dilengkapi dengan skala, tarikh, dilukis oleh, desemak oleh dan nombor lukisan.

3.3 Jadual Penanaman

a) Simbol Tanaman

Setiap spesies tanaman perlu menggunakan simbol dan warna ringkas yang berlainan.

b) Pokok Rasmi Majlis Daerah Pasir Mas

i. Pokok Rasmi Utama Majlis Daerah Pasir Mas

Yellow Saraca atau Saraca Thaipingensis (Pokok Gapis)

Pokok ini hendaklah dicadangkan pada setiap pelan cadangan yang hendak dimajukan kepada pihak Majlis.

ii. Disyorkan juga kombinasi pokok palma dan pokok renek dengan penanaman pokok rasmi.

- Pokok Palma
 - Fox's Tail Palm
 - Phoenix Dactylifera
 - Crytostachys Lakka
- Pokok Renek
 - Mussaenda Erythrophylla 'Dona Luz'
 - Codiaeum Variegatum Cultivars

➤ Heleconia American Dwarf

c) Ketinggian minimum bagi cadangan pokok teduhan dan palma

- i. Pokok teduhan – 2000mm ketinggian batang dan 50mm diameter batang.
- ii. Palma – 1800mm ketinggian batang dan 3000mm ketinggian keseluruhan.

d) Setiap kawasan pencawang TNB dan kolam oksidasi hendaklah ditanam dengan pokok pagaran sebagai zon penamparan "Buffer Zone".

e) Penanaman rumput hendaklah menggunakan penanaman secara "close turfing".

f) Setiap cadangan penanaman pokok teduhan di kawasan tepi jalan, laluan pejalan kaki, di tepi longkang dan di tepi bangunan hendaklah ditanam berserta dengan "root barrier" bagi menghalang kerosakan pada struktur konkrit sedia ada.

g) Setiap "Island" di hadapan kawasan perumahan hendaklah dicadangkan "road curb" yang berfungsi sebagai sempadan jalan serta memberi impak yang lebih teratur dan kemas.

4.0 PERABOT-PERABOT TAMAN

4.1 Gazebo/ Wakaf

Perlu disediakan dua bangku duduk secara bertentangan untuk kegunaan awam.

4.2 Siarkaki/ Laluan Pejalan Kaki

Minima kelebaran 1.5 meter lebar dari jenis "concrete in-situ with stamp finish patern" atau slate.

4.3 Tong Sampah

Diletakkan di kawasan strategik bagi kemudahan orang ramai. Hendaklah daripada material yang tahan lama dan diletakkan secara berdiri.

4.4 Kerusi Taman

Material yang dicadangkan adalah dari jenis "terrazzo bench" dan mempunyai penyandar belakang atau tidak.

4.5 Lampu Taman

Hendaklah dicadangkan di kawasan lapang terutamanya di tempat tumpuan seperti peralatan permainan kanak-kanak dan kawasan sekitarnya.

4.6 Peralatan Permainan Kanak-Kanak

Kesemua peralatan permainan hendaklah diletakkan di atas lantai dari kemasan "rubber mat" atau "rubber rice".

4.7 Papan Tanda Larangan

Papan tanda larangan hendaklah diletakkan di hadapan pintu masuk taman untuk peringatan kepada pengguna.

4.8 Gelangang Permainan (Badminton/ Takraw/ Bola Tampar/ Basket Ball

Gelanggang tersebut hendaklah mempunyai permukaan atas bergetah untuk mengelakkan kecederaan.

5.0 PELAN SUSUNATUR / PERINCIAN

5.1 Pelan Perincian Taman

Pelan Perincian taman perlu disertakan untuk tanaman yang dicadangkan seperti berikut :

- a) Pokok teduhan
- b) Pokok renek
- c) Pokok palma
- d) Penutup bumi

5.2 Pelan Perabot Lanskap “Landscape Feature Detail Drawing”

Setiap perabot taman perlu disediakan pelan susunatur dan berserta lukisan perincian.

5.3 Pelan Lampu Taman

Perletakan kesemua lampu taman hendaklah ditunjukkan dengan jelas dan dinyatakan jumlah keseluruhan elemen yang dicadangkan.

5.4 Pelan Peralatan Permainan Kanak-Kanak

Pelan hendaklah menunjukkan gambaran sebenar alat permainan yang dicadangkan termasuk pengedar dan nombor siri di dalam pelan A1. (Pelan Susunatur dan pelan perincian hendaklah ditunjukkan)

6.0 PELAN KERATAN RENTAS

Pandangan hadapan dan pandangan sisi bagi kawasan lanskap perlu disertakan sekurang-kurangnya dua (2) keratan rentas hendaklah ditunjukkan.

7.0 PELAN SALIRAN AIR BAWAH TANAH “SUB-SOIL DRAINAGE”

Sistem saliran air bawah tanah adalah DIWAJIBKAN untuk kawasan lapang yang mempunyai perabot taman, alat permainan kanak-kanak dan padang bola.

8.0 LONGKANG

Longkang di sekeliling kawasan lapang yang berukuran lebar dan didalamnya melebihi 1 kaki hendaklah ditutup dengan “grating” atau “concrete slab”.

9.0 BAYARAN PERMOHONAN

Bayaran bagi setiap permohonan dikenakan mengikut jenis pembangunan yang akan dilaksanakan. Senarai bayaran adalah seperti berikut :

BIL	JENIS PEMBANGUNAN	KADAR BAYARAN (PERMOHONAN BARU)	JUMLAH BAYARAN (RM) (PERMOHONAN PINDAAN)
A. PERUMAHAN			
1.	Pangsapuri / Kondominium	RM 300.00/ Permohonan	RM 150.00/ Permohonan
2.	Pangsa Kos Rendah	RM 150.00/ Permohonan	RM 75.00/ Permohonan
3.	Projek Perumahan		
	• < 20 Unit	RM 50.00/ Permohonan	RM 25.00/ Permohonan
	• 20 Unit – 100 Unit	RM 100.00/ Permohonan	RM 50.00/ Permohonan
	• 101 Unit – 200 Unit	RM 150.00/ Permohonan	RM 75.00/ Permohonan
	• 201 Unit – 300 Unit	RM 200.00/ Permohonan	RM 100.00/ Permohonan
	• > 300 Unit	RM 300.00/ Permohonan	RM 150.00/ Permohonan
Nota :			

- i. Bagi permohonan kurang daripada 100 Unit dikecualikan melalui Arkitek/ Perunding Lanskap yang bertauliah.
- ii. Bagi permohonan 101 Unit dan ke atas disyaratkan memohon melalui Arkitek/ Perunding Lanskap yang bertauliah.

B. PERNIAGAAN/ PERDAGANGAN

1.	Kompleks Membeli-belah/ Pasaraya	RM 250.00/ Permohonan	RM 125.00/ Permohonan
2.	Kompleks Perdagangan/ Hypermarket	RM 250.00/ Permohonan	RM 125.00/ Permohonan
3.	Hotel/ Rumah Penginapan	RM 200.00/ Permohonan	RM 100.00/ Permohonan
4.	Akademi Latihan Memandu Swasta	RM 200.00/ Permohonan	RM 100.00/ Permohonan
5.	Institusi Swasta	RM 200.00/ Permohonan	RM 100.00/ Permohonan
6.	Pusat Perubatan Swasta	RM 200.00/ Permohonan	RM 100.00/ Permohonan
7.	Kompleks Sukan/ Dewan Swasta	RM 150.00/ Permohonan	RM 75.00/ Permohonan
9.	Restoran (Bagi <i>Free Standing Buildings</i>)	RM 150.00/ Permohonan	RM 75.00/ Permohonan
10.	Stesen Minyak	RM 200.00/ Permohonan	RM 100.00/ Permohonan
11.	Gerai/ Medan Selera	RM 150.00/ Permohonan	RM 75.00/ Permohonan
12.	Lot-lot Kedai Pejabat/ Rumah Kedai		
	• < 4 Unit	RM 50.00/ Permohonan	RM 25.00/ Permohonan
	• 4 Unit – 100 Unit	RM 100.00/ Permohonan	RM 100.00/ Permohonan
	• 101 Unit – 200 Unit	RM 150.00/ Permohonan	RM 75.00/ Permohonan
	• > 200 Unit	RM 200.00/ Permohonan	RM 100.00/ Permohonan

- i. Bagi permohonan kurang daripada 100 Unit dikecualikan melalui Arkitek/ Perunding Lanskap yang bertauliah.
- ii. Bagi permohonan 101 Unit dan ke atas disyaratkan memohon melalui Arkitek/ Perunding Lanskap yang bertauliah.

BIL	JENIS PEMBANGUNAN	KADAR BAYARAN	JUMLAH BAYARAN (RM) (PERMOHONAN PINDAAN)
C. PERINDUSTRIAN/ PERUSAHAAN			
1.	Pembangunan Plot Perindustrian		
	• < 4.00 hektar	RM 200.00/ Permohonan	RM 100.00/ Permohonan
	• 4.01 hektar – 10.00 hektar	RM 250.00/ Permohonan	RM 125.00/ Permohonan
	• > 10.00 hektar	RM 300.00/ Permohonan	RM 150.00/ Permohonan
2.	Industri Sesebuah dan Bertingkat	RM 250.00/ Permohonan	RM 125.00/ Permohonan
3.	Industri Teres & Berkembar (Termasuk Bertingkat)	RM 200.00/ Permohonan	RM 100.00/ Permohonan
4.	Gudang Terbuka/ Tertutup dan Ruang Pameran	RM 200.00/ Permohonan	RM 100.00/ Permohonan
D. INSTITUSI KERAJAAN			
1.	Stadium	RM 450.00/ Permohonan	RM 225.00/ Permohonan
2.	Dewan/ Kompleks Sukan	RM 350.00/ Permohonan	RM 175.00/ Permohonan
3.	IPTA	RM 300.00/ Permohonan	RM 150.00/ Permohonan
4.	Pejabat Kerajaan	RM 250.00/ Permohonan	RM 125.00/ Permohonan

5.	Rumah Penginapan Kerajaan	RM 250.00/ Permohonan	RM 125.00/ Permohonan
6.	Bangunan Tadika	RM 200.00/ Permohonan	RM 100.00/ Permohonan
E. KAWASAN REKREASI/ TAMAN REKREASI			
1.	Taman Tema (Swasta)	RM 450.00/ Permohonan	RM 225.00/ Permohonan
2.	Padang Golf	RM 350.00/ Permohonan	RM 175.00/ Permohonan
3.	Rumah Kelab (Swasta)	RM 300.00/ Permohonan	RM 150.00/ Permohonan
4.	Hutan Bandar/ Taman Bandar/ Kejiranan	RM 300.00/ Permohonan	RM 150.00/ Permohonan
5.	Plaza	RM 250.00/ Permohonan	RM 125.00/ Permohonan
F. PEMBANGUNAN BERCAMPUR			
1.	< 100 Unit	RM 200.00/ Permohonan	RM 100.00/ Permohonan
2.	101 Unit – 200 Unit	RM 250.00/ Permohonan	RM 125.00/ Permohonan
3.	201 Unit – 300 Unit	RM 300.00/ Permohonan	RM 150.00/ Permohonan
4.	> 300 Unit	RM 350.00/ Permohonan	RM 175.00/ Permohonan
H.	BAYARAN BUKA FAIL PERMOHONAN	RM 50.00/ Permohonan	-

Nota :

- Selepas memperoleh kelulusan, jika terdapat pindaan pelan lanskap yang diminta oleh pihak Majlis, kadar bayaran adalah dikecualikan.
- Jika pemohon ingin membuat pindaan ke atas pelan lanskap yang telah diluluskan, kadar bayaran yang dicadangkan adalah separuh daripada kadar di atas.

- Kadar bayaran di atas adalah telah diselaraskan dengan Garis Panduan daripada Jabatan Lanskap Negera dan diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Kelantan Bil. 47-1/2011.
- Semua bayaran adalah tertakluk kepada Seksyen 39(b), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang mana PBT boleh mengenakan bayaran bagi setiap perkhidmatan yang diberikan.

10.0 PERINGATAN

- a) Pelan yang tidak lengkap dan tidak mematuhi kehendak garis panduan akan ditolak.
- b) Pemilik/ pemaju perlu membuat permohonan secara rasmi bagi sebarang perubahan atau pindaan terhadap pelan yang telah diluluskan.
- c) Hanya pelan yang lengkap dan telah dipinda (sekiranya terdapat pindaan) akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa OSC untuk pertimbangan.
- d) Kerja-karya penanaman hendaklah dimulakan setelah 60% kerja-karya pelaksanaan siap dijalankan.

11.0 PENUTUP

Dengan adanya garis panduan ini ianya akan memudahkan unit-unit terlibat untuk memproses pelan-pelan lanskap mengikut prosedur yang telah ditetapkan bagi memastikan pelan-pelan serta projek-projek lanskap telah mematuhi semua syarat dan peraturan yang telah ditetapkan bagi menjamin keberkesannya selepas pelaksanaan.

LAMPIRAN

CONTOH FORMAT JADUAL PENANAMAN

JADUAL PENANAMAN

SIMBOL	NAMA BOTANI	NAMA TEMPATAN	KETINGGIAN		DIAMETER BATANG	KUANTITI	CATATAN
			K.B	K.K			
A. POKOK TEDUHAN							
	Michelia dba	Cempaka Putih	2000mm	-	50mm	70 nos	
B. POKOK PALMA							
	Cocus nucitera	Kelapa Pandan	1800mm	3000mm	-	50 nos	
C. POKOK RENEK							
	Canna lily	Bunga Tasbih	-	750mm	15mm	15 nos	Bunga Merah
D. POKOK PENUTUP BUMI							
	Zoysia matrella	Rumput Karpit	-	-	-	3000 m2	Close Turfing
KELUASAN KAWASAN							
Kawasan Lapang						1.7 ekar	
Keseluruhan Kawasan						25 ekar	

Nota : K.B – Ketinggian Batang K.K – Ketinggian Keseluruhan

NOTA :


Pelan ini hanyalah sebagai penduan sahaja. Cadangan tatatur lain boleh dikemukakan berdasarkan kepada kelulusan Unit Perancangan dan Pembangunan MDPM

CONTOH FORMAT PELAN LANSKAP

<p>PELAN KUNCI</p>	<p>PELAN LOKASI</p>	<p>JADUAL PENANAMAN</p>	<p>(A) ARAH MATA ANGIN</p>
<p>PELAN TAPAK (CADANGAN)</p>			<p>(B) TAJUK PROJEK</p>
			<p>(C) NAMA PEMILIK/PEMAJU</p>
			<p>(D) ARKITEK LANSKAP</p>
			<p>(E) PERAKUAN MDPM</p>
<p>NOTA : <i>Pelan ini hanyalah sebagai panduan sahaja. Cadangan tatatur lain boleh dikemukakan berdasarkan kepada kelulusan Unit Perancangan dan Pembangunan MDPM</i></p>			<p>(F) SKALA/ DILUKIS OLEH/ DISEMAK OLEH/ TARIKH/ NOMBOR PELAN</p>

CONTOH PELAN PERINCIAN TEKNIK PENANAMAN

PELAN PERINCIAN TEKNIK PENANAMAN



NOTA :

Pelan ini hanyalah sebagai panduan sahaja. Cadangan tatatur lain boleh dikemukakan berdasarkan kepada kelulusan Unit Perancangan dan Pembangunan MDPM

(A) ARAH MATA ANGIN

(B) TAJUK PROJEK

(C) NAMA PEMILIK/PEMAJU


(D) ARKITEK LANSKAP

(E) PERAKUAN MDPM

(F) SKALA/ DILUKIS OLEH/
DISEMAK OLEH/
TARIKH/ NOMBOR
PELAN

CONTOH PERINCIAN LALUAN PEJALAN DAN LONGKANG

PELAN PERINCIAN LALUAN PEJALAN KAKI DAN LONGKANG



NOTA :

Pelan ini hanyalah sebagai panduan sahaja. Cadangan tatatur lain boleh dikemukakan berdasarkan kepada kelulusan Unit Perancangan dan Pembangunan MDPM

(A) ARAH MATA ANGIN

(B) TAJUK PROJEK

(C) NAMA PEMILIK/PEMAJU


(D) ARKITEK LANSKAP

(E) PERAKUAN MDPM

(F) SKALA/ DILUKIS OLEH/
DISEMAK OLEH/
TARIKH/ NOMBOR
PELAN

CONTOH PELAN PERINCIAN SISTEM SALIRAN BAWAH TANAH

PELAN PERINCIAN SISTEM SALIRAN BAWAH TANAH



(A) ARAH MATA ANGIN

(C) TAJUK PROJEK

(D) NAMA PEMILIK/PEMAJU

(E) ARKITEK LANSKAP

(F) PERAKUAN MDPM

(G) SKALA/ DILUKIS OLEH/
DISEMAK OLEH/
TARIKH/ NOMBOR
PELAN

NOTA :

Pelan ini hanyalah sebagai panduan sahaja. Cadangan tatatur lain boleh dikemukakan berdasarkan kepada kelulusan Unit Perancangan dan Pembangunan MDPM

CONTOH PENGESAHAN PELAN LANSKAP

Permohonan Kelulusan Pelan Lanskap Bagi
Tujuan PS/PB/SBMS/MB/PM/Cantuman
Di atas Lot Mukim

Jajahan Pasir Mas.
Diperakukan untuk : LULUS
Pelan : MDPM.D582//PL
Surat Jab : MPDM.D582/.....
Tarikh :

(.....)
YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH PASIR MAS

Permohonan Kelulusan Pelan Lanskap Bagi
Tujuan PS/PB/SBMS/MB/PM/Cantuman
Di atas Lot Mukim

Jajahan Pasir Mas.
Diperakukan untuk : LULUS
Pelan : MDPM.D582//PL
Surat Jab : MPDM.D582/.....
Tarikh :

(.....)
SETIAUSAHA
b.p YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH PASIR MAS